

22/11/2003

Elit Melayu minat menonton teater bermutu: Johan

DATUK Johan Jaafar, 50, membabitkan diri dalam bidang teater sejak di bangku sekolah sekitar 1960-an. Beliau secara rela menarik tali tirai dan mencari bahan untuk latar pentas. Kedudukan Johan dalam kesusasteraan Melayu moden unik kerana tidak ramai sasterawan yang sebenarnya boleh hidup selesa dalam dua alam, sastera/budaya dan pengurusan moden/korporat. Beliau nampaknya berupaya menjadi sasterawan dan pada waktu yang sama, mendaki tangga pengurusan moden. Ikuti wawancara wartawan Sastera dan Budaya, HASSAN OMAR, dengan beliau.

Datuk Johan bersama Hatta Azad Khan, Dinsman dan Annuar Nor Arai membawa pembaharuan dalam dunia teater tanah air pada 1970-an apabila membawa teater absurd atau eksperimen. Boleh Datuk jelaskan?

Saya, Dinsman, Dr Hatta Azad Khan, Mana Sikana dan Zakaria Ariffin dianggap sebagai pelopor teater absurd. Saya menulis skrip teater 'Kotaku! Oh! Kotaku!' dan 'Angin Kering' dianggap sebagai generasi yang memulakan teater absurd. Teater waktu itu lebih kepada realisme yang dipopularkan oleh Kalam Hamidi, Kala Dewata dan Allahyarham Datuk Dr Usman Awang. Kami dipengaruhi teater absurd dari Barat. Kami membawa aliran baru di Malaysia.

Bagaimana dengan sambutan pencinta seni pada waktu itu terhadap teater absurd?

Memang mendapat sambutan kerana ia benda baru. Sesuatu yang baru. Ada kesegaran atau pembaharuan dalam teater Malaysia. Khalayak sudah terlalu biasa dengan teater realisme, tiba-tiba kami membawa satu teater baru. Kami menggunakan konsep keterbukaan dan eksperimen. Sambutan sangat menggalakkan, terutama daripada penuntut universiti.

Apakah teater absurd masih diminati sehingga sekarang?

Yang itu, saya tak berapa pasti tetapi sedikit sebanyak pengaruhnya masih ada. Masih ada orang bereksperimen dengan teater. Kumpulan kami pada 1980-an. Kami menggerakkan apa yang dianggap sebagai teater generasi ketiga. Kami membuat manifesto yang antara lain mengatakan bahawa teater di tangan orang teater. Sebelum itu, kami menganggap teater ini terlalu banyak dikuasai oleh pentadbir dan pengurus kebudayaan. Kami ingin mengambil alih teater dalam konteks 'kami punya suara, kami punya pendirian'. Sebelum itu, mereka memainkan peranan dalam menentukan hala tuju teater. Apa yang dilakukan oleh teater kami ialah membawa teater ke khalayak. Kami mempersembahkan teater di kompleks beli-belah untuk mendekati teater kepada masyarakat. Kami pergi kepada masyarakat untuk mengetengahkan teater. Masa itu saya aktif dengan Anak Alam. Khalid Salleh turut menyertai kumpulan ini. Kami pergi ke tempat yang ada peluang untuk mendekati teater kepada masyarakat.

Johan sudah lama berkarya tetapi mengapa sekarang Johan tidak lagi menghasilkan teater?

Saya harus membuat pilihan pada 1988 di antara meneruskan kerjaya saya sebagai pengurus dan pentadbir di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) atau terus aktif dalam teater. Pada 1989 saya dilantik sebagai Ketua Pengarang Bahagian Majalah DBP. Waktu saya terbatas. Saya harus membuat pilihan antara kerjaya dan minat dalam bidang teater. Saya memilih kerjaya. Teater arahan saya yang terakhir ialah 'Rumah Kedai di Jalan Seladang' berdasarkan cerpen Tan Sri Dr Samad Ismail. Teater itu saya arahkan pada 1989 di Balai Budaya. Dari tarikh itu saya tidak menulis skrip dan hanya pada 2001 saya menulis skrip drama Asiah Samiah, selepas 15 tahun tidak

berkarya. Kekuatan saya dalam bidang sastera memang dalam bidang drama pentas. Ketika di Universiti Malaya (UM), saya menyertai Kumpulan Kesenian UM (Kesuma). Saya mementaskan drama Kotaku! Oh! Kotaku! Saya antara orang pertama yang ditemui oleh Allahyarham Datuk Dr Usman Awang. Bila saya tamat pengajian, saya terbabit dengan Anak Alam. Kemudian saya bersama DBP dan mementaskan antaranya Hari-hari Terakhir Seorang Seniman, Salina dan Kedai di Jalan Seladang. Selepas 1989, apabila bertugas sebagai Ketua Pengarang Majalah DBP, saya memang tidak sempat berkarya. Waktu di Utusan Melayu pun, saya tidak dapat menulis tetapi saya sempat membantu banyak kegiatan drama. Misalnya pementasan teater Lantai T Pinkie, merencanakan program Baca Puisi Utusan. Pada salah satu malam, bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, menangis ketika mendeklamasikan sajak Perjuangan Yang Belum Berakhir.

Dalam bidang puisi, Johan ada menghasilkan sajak selepas Johan tidak lagi bersama Utusan Melayu, iaitu Surat Winnie kepada Mandela. Sajak ini lebih bercorak politik. Boleh jelaskan?

Puisi ini adalah cerita mengenai kisah kehidupan Mandela dan bekas isterinya, Winnie. Mandela adalah seorang tahanan politik selama 27 tahun. Saya banyak membaca kisah Mandela. Bagaimana dia meneruskan kasihnya kepada isterinya. Mandela mempunyai kekuatan dan kesabaran memperjuangkan nasib orang kulit hitam. Saya pernah bertemu dengan Mandela dan mendengar cerita perjuangannya. Banyak peristiwa yang digambarkan dalam perjuangannya itu. Saya juga menemui Winnie dan mendengar ceritanya. Surat Winnie Kepada Mandela ini adalah cerita tanggapan seorang isteri terhadap seorang suami yang menaruh keyakinan bahawa suaminya satu hari akan pulang. Saya juga ada menulis sajak Surat Mandela Kepada Winnie. Saya cukup tertarik dengan kisah mereka berdua dan melihatnya sebagai luar biasa.

Bagaimana Johan melihat perkembangan dunia teater di Malaysia sekarang?

Ada satu yang saya anggap sebagai tragedi kepada dunia teater Melayu hari ini. Pada 1970-an, kita melihat penghijrahan orang teater Inggeris ke teater Melayu. Contohnya, Datuk Rahim Razali, Faridah Merican, Ahmad Yatim, Datuk Syed Alwi Syed Hassan. Ini adalah orang teater Inggeris yang berhijrah ke teater Melayu menyebabkan teater Inggeris tidak lagi aktif. Bagaimanapun, apa yang berlaku sekarang di sebaliknya. Orang yang aktif dalam teater Melayu kembali ke teater Inggeris seperti Faridah Merican dan Krishen Jit. Teater Inggeris sekarang adalah kegiatan teater yang sangat terancang. Contohnya, Kumpulan Actors Studio berbanding teater Melayu yang masih tidak teratur dan digerakkan dalam kumpulan kecil. Profesionalisme banyak berlaku dalam teater Inggeris. Teater Inggeris mendapat perhatian luar biasa sebahagiannya kerana orang yang dahulunya memimpin dan membantu menyemarakkan teater Melayu sudah berpindah semula ke teater Inggeris. Malah teater Inggeris sekarang ada hadiah penghargaan yang tidak ada dalam teater Melayu. Teater Melayu banyak bergantung kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan serta DBP sedangkan Actors Studio sudah menjadi entiti perniagaan. Mereka mengadakan persembahan setiap waktu di Kuala Lumpur. Sambutan untuk teater Inggeris memang baik. Ada satu kelompok masyarakat elit di Kuala Lumpur yang menonton teater Inggeris.

Tidakkah masyarakat elit Melayu tidak berminat dengan teater Melayu?

Masyarakat elit Melayu berminat untuk menonton teater Melayu. Bagaimanapun kita perlu melahirkan teater bermutu, baru orang akan menonton. Banyak kumpulan kecil teater Melayu yang sebenarnya kumpulan eksperimen. Mereka tidak didukung oleh organisasi. Mereka membuat persembahan secara kecil-kecilan. Selalunya, bila ada pertandingan, barulah ada kegiatan teater. Sewaktu Utusan mementaskan Lantai T Pinkie, kita dapat melihat bermacam wajah penonton teater. Kelompok elit Melayu

yang tidak pernah menonton teater, turut turun padang. Titik tolaknya kita mestilah melahirkan teater bermutu.

Apakah karya besar penting untuk tujuan itu?

Memang penting tetapi sekarang kita sudah tidak lagi menghasilkan karya besar sejak sekian lama. Tidak banyak lagi naskhah yang baik untuk dipentaskan.